

## **GARIS PANDUAN DAN KRITERIA PENCALONAN ANUGERAH BUKU PENYELIDIKAN**

<b>1.0 NAMA ANUGERAH</b>	Anugerah Penerbitan – Anugerah Buku Penyelidikan
<b>2.0 LATAR BELAKANG ANUGERAH</b>	Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf individu yang cemerlang dalam bidang penulisan Buku Penyelidikan. Pemberian anugerah ini adalah berdasarkan syarat pencalonan dan kriteria penilaian Anugerah Buku Penyelidikan.
<b>3.0 KATEGORI ANUGERAH</b>	Buku Penyelidikan terbitan tahun 2025 oleh Penerbit UTM Press atau *Penerbit Luar (a) Kategori Sains dan Teknologi (S&T) (b) Kategori Sains Sosial (SS)
<b>4.0 KRITERIA/ SYARAT-SYARAT PERMOHONAN</b>	<p><b>KRITERIA PENILAIAN</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>(1) <b>Penulis BP:</b> BP yang dihasilkan oleh penulis sama ada secara individu atau bersama dengan penulis lain (dalam atau luar UTM). Jika penulisan bersama, penulis mestilah tidak melebihi tiga (3) orang.</li><li>(2) <b>BP yang Tidak Layak dicalonkan:</b> BP yang diklasifikasikan sebagai Cetakan Awal, Modul Pengajaran, Buku Mewah, Monograf, Bab dalam Buku, BP Selenggaraan/Suntingan (Edited Book), BP Terjemahan, Buku Khas dan penerbitan sendiri (swaterbit).</li><li>(3) Maklumat geran penyelidikan boleh dinyatakan dalam prakata atau penghargaan.</li><li>(4) Buku penyelidikan yang dicalonkan <b>mesti</b> berwasit (sertakan laporan penilaian pakar bidang).</li><li>(5) Hanya buku penyelidikan edisi pertama cetakan 2025 sahaja layak dicalonkan.</li><li>(6) Pencalonan hendaklah disertakan dengan empat (4) naskhah bercetak atau format buku elektronik yang boleh diterima adalah seperti PDF, EPUB, ePUB3 atau yang setaraf. Semua naskhah ini tidak akan dikembalikan bagi buku terbitan selain Penerbit UTM Press.</li></ol> <p><b>SYARAT-SYARAT PERMOHONAN/ PENCALONAN</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>(1) Calon: Hendaklah terdiri daripada staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang masih berkhidmat dalam tahun penganugerahan.</li><li>(2) Jenis BP yang layak dicalonkan: Hanya buku penyelidikan yang melalui proses penerbitan secara formal terbitan Penerbit UTM Press atau *Penerbit Luar yang diterbitkan dalam tahun dinilai, yang</li></ol>

	<p>mempunyai ISBN dan data pengkatalogan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).</p> <p>(3) Bilangan penulis: Buku penyelidikan yang dihasilkan oleh seorang atau tidak lebih daripada tiga orang penulis.</p> <p>(4) Hanya buku edisi pertama cetakan tahun yang dinilai sahaja layak dicalonkan.</p> <p>(5) BP diterbitkan oleh penerbit dalam atau luar negara yang berwibawa, mengamalkan sistem pewasitan dan amalan penerbitan yang piawai.</p> <p>(6) BP hendaklah yang diterbitkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sahaja.</p> <p>(7) Bahan Bukti Penyertaan: Pencalonan hendaklah disertakan dengan empat (4) naskhah bercetak atau format buku elektronik yang boleh diterima adalah seperti PDF, EPUB, ePUB3 atau yang setaraf. Semua naskhah ini tidak akan dikembalikan bagi buku terbitan selain Penerbit UTM Press.</p> <p>(8) Pencalonan: Buku penyelidikan terbitan Penerbit UTM Press secara automatik akan dicalonkan. Setiap pencalonan daripada penerbit luar perlu disokong dan diperakukan oleh Dekan/Timbangan Dekan Penyelidikan dan Inovasi/Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan Akademik Fakulti.</p> <p>(9) Tarikh tutup pencalonan: Pencalonan buku terbitan penerbit luar hendaklah sampai kepada Urus setia selewat-lewatnya pada 21 April 2026 sebelum atau pada jam 5.00 petang.</p> <p><i>(Nota: *Penerbit luar ditakrifkan sebagai penerbit dalam negara yang menganggotai Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM), Persatuan Penerbit Buku Malaysia (Malaysian Book Publishers Association – MABOPA)/ menganggotai Persatuan Penerbit Buku Bumiputera (Bumiputera Book Publishers Association – IKATAN)/Pusat Penyelidikan/Badan Profesional/Badan Bukan Kerajaan dan termasuk penerbit antarabangsa yang melakukan proses penerbitan secara formal: melalui proses penilaian dan penyuntingan atau mempunyai lembaga editorial.)</i></p>
--	--

## 5.0 KAEDAH PENILAIAN DAN PEMARKAHAN

<b>i. Kaedah Penilaian</b>	<p>Setiap BP akan dinilai oleh dua (2) orang penilai yang terdiri daripada penilai pakar bidang dari dalam atau luar UTM. Buku yang dihantar kepada penilai hanyalah buku yang telah melepasi saringan panel penilai teknikal lantikan Penerbit UTM Press.</p>
----------------------------	--

<b>6.0 PEMARKAHAN ADALAH BERDASARKAN KRITERIA UTAMA SEPERTI BERIKUT:</b>	
<b>ii. Kaedah Pemarkahan</b>	<b>Kriteria :</b> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>i. Penilaian Pakar Bidang (70%)</b></li> <li><b>ii. Penilaian Teknikal Buku Penyelidikan (30%)</b></li> </ul>
	<b>Penilaian Keseluruhan meliputi:</b> 40% - Keaslian Karya dan Kekuatan 30% - Gaya Penulisan dan Bahasa 20% - Gaya Penerbitan 10% - Etika
	<b>Markah yang layak untuk dicalonkan sebagai pemenang Hadiah Utama: 75% dan ke atas</b>

#### **7.0 KOS HADIAH**

<b>Anugerah</b>	<b>Kategori</b>	<b>Pemenang</b>	<b>Hadiah</b>
Anugerah Buku Penyelidikan	Sains dan Teknologi	Pemenang Utama	RM1,000.00 dan sijil
	Sains Sosial	Pemenang Utama	RM1,000.00 dan sijil